A Singapore Government Agency Website



Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!



# Sekolah di-kampong2 baru

Berita Harian, 19 April 1963, Page 6

Article also available on Microfilm Reel NL3201



# Sekolah di-kampong2 baru

## *SELANGOR KHASKAN 270 RIBU UNTOK DAERAH U. LANGAT*

**KERAJAAN Negeri Selangor telah menguntok-an wang sa-banyak $270,000 untok membena empat buah sekolah kebangsaan, di-daerah Ulu Langat dan Kajang, dalam tahun 1963 ini.**

Pegawai Pelajaran Negeri, Tuan B.H.G. Adam, menyatakan kapada Berita Harian hari ini bahawa dua di-antara sekolah itu akan di-dirikan dalam kampong2 baharu, yang di-bena di-bawah ranchangan Pembangunan Luar Bandar.

Kampong2 itu terletak di-Sungai Merab, Kajang dan Kampong Sungai Tekali, Ulu Langat.

Tuan Adam menegaskan bahawa ini-lah kali pertama Kerajaan Selangor memberikan peruntokan membena sekolah dalam kawasan ranchangan Pembangunan Luar

Information
Newspaper: Berita Harian
Date: 19 April 1963
Reel Number: NL3201

Bandar.

Dua buah sekolah yang lain itu akan di-bena dalam kampong Sungai Ramal di-Kajang dan Kampong Sungai Lui, Ulu Langat.

Oleh beliau di-jelaskan bahawa pembenaan sekolah kebangsaan Sungai Ramal dan Sungai Tekali sedang giat di-jalankan. manakala pembenaan sekolah di-Sungei Merab dan Sungai Lui akan di-bena pada bulan May hadapan.

Tuan Adam juga mengumumkan bahawa Kementerian Pelajaran Persekutuan telah membena sa-buah sekolah kebangsaan di-kawasan Ranchangan Kemajuan Tanah Persekutuan di-Gedangsa. Ulu Selangor.

Bangunan itu mempunyai 12 buah bilek derjah dan akan dapat menampong 450 orang murid2.

Kajang, Khamis

## Related Articles

No related article found.

National Library Board

Contact Us Feedback FAQ

ort Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29